



JABATAN LAUT MALAYSIA
BAHAGIAN PENDAFTARAN KAPAL

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN DAN PEMBATALAN GADAIAN KAPAL DAN PENGELUARAN SURAT FREE OF ENCUMBRANCES

Disember 2020



JABATAN LAUT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN DAN PEMBATALAN GADAIAN KAPAL DAN PENGELUARAN SURAT FREE OF ENCUMBRANCES

TARIKH KEMASKINI : DISEMBER 2020

1. PENGENALAN

Perkara ini adalah merujuk kepada Bahagian IIA (Pendaftaran Kapal Malaysia – MSR) dan Bahagian IIC (Pendaftaran Kapal Antarabangsa Malaysia – MISR), Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (OPS 1952).

2. KEPERLUAN PEMATUHAN

2.1 Permohonan pendaftaran dan pembatalan gadaian kapal dan pengeluaran surat *Free of Encumbrances* adalah merupakan keperluan kepada semua kapal yang hendak berdaftar di Malaysia.

2.2 Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan rasmi kepada Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal dimana kapal tersebut telah didaftarkan.

3. RUJUKAN

Rujukan boleh dibuat kepada :

- i. Bahagian IIA dan Bahagian IIC, OPS 1952.

4. KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan pendaftaran dan pembatalan gadaian kapal dan pengeluaran surat *Free of Encumbrances* perlu dikemukakan kepada Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal dimana kapal tersebut telah didaftarkan iaitu :

- a. Jabatan Laut Wilayah Utara (Penang);
- b. Jabatan Laut Wilayah Tengah (Port Kelang);
- c. Jabatan Laut Wilayah Sarawak (Kuching);
- d. Jabatan Laut Wilayah Sabah (Kota Kinabalu);
- e. Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan (Labuan) – MISR.

Sila layari laman web Jabatan Laut Malaysia : www.marine.gov.my

(Prosedur →Perkapalan →Pendaftaran Kapal Malaysia / Pendaftaran Kapal Antarabangsa Malaysia (Labuan) →Pelabuhan Daftar)

bagi direktori perhubungan Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal.



JABATAN LAUT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN DAN PEMBATALAN GADAIAN KAPAL DAN PENGELUARAN SURAT FREE OF ENCUMBRANCES

TARIKH KEMASKINI : DISEMBER 2020

5. JADUAL FI

- Surat *Free of Encumbrances* – RM 5.00 bagi setiap surat.
- Gadaian – Rujuk kepada Jadual Tiga Belas, OPS 1952 di www.marine.gov.my
(Prosedur →Perkapalan →Pendaftaran Kapal Malaysia / Pendaftaran Kapal Antarabangsa Malaysia (Labuan) →Jadual Fi Kapal)

6. SENARAI BORANG

Borang Gadaian (dapatkan di Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal) :

- Borang Marine 247 (*To Secure Account Current*).
- Borang Marine 249 (*To Secure Principal Sum and Interest*).
- Borang Marine 251 (*Individuals or Joint Owner*).

6.1 Permohonan Pendaftaran Gadaian kapal

Pemohon perlu mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal dimana kapal itu berdaftar dan perlu disertakan bersama dokumen seperti berikut :

- Surat permohonan.
- Asal – Borang Gadaian (Borang Marine 247, 249 atau 251).
- Asal dan salinan diakui sah – *Deeds of Covenant*.
- Form 49 dari SSM / Form 25 (Sabah/ Sarawak) – jika pendaftaran syarikat lama.
- Seksyen 58 SSM – pendaftaran syarikat selepas tahun 2016.

6.2 Permohonan Pembatalan Gadaian kapal

Pemohon perlu mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal dimana kapal itu berdaftar dan perlu disertakan bersama dokumen seperti berikut :

- Surat permohonan.
- Asal – Borang Gadaian (Borang Marine 247, 249 atau 251) yang telah ditandatangani oleh pihak-pihak yang menerima gadaian dan yang memberi gadaian (*Mortgagee* dan *Mortgagor*).
- Consent Release Letter* dari *Mortgagee*.
- Surat kuasa – (*Power of Attorney / Syarikat (Commence Seal)*).



JABATAN LAUT MALAYSIA

**GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN
DAN PEMBATALAN GADAIAN KAPAL DAN PENGELUARAN SURAT
FREE OF ENCUMBRANCES**

TARIKH KEMASKINI : DISEMBER 2020

6.3 Pengeluaran Surat *Free Of Encumbrances*

Pemohon perlu mengemukakan surat permohonan kepada Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal dimana kapal itu berdaftar bagi tujuan :

- a. Jual beli;
- b. Pertukaran bendera; atau
- c. Lain-lain yang berkaitan.

Surat *Free of Encumbrances* tidak akan dikeluarkan jika kapal masih mempunyai gadaian dengan bank.

7. PIAGAM PELANGGAN

Memproses pendaftaran dan pembatalan gadaian kapal dan pengeluaran surat *Free of Encumbrances* dalam tempoh 3 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.




JABATAN LAUT MALAYSIA

**GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN
DAN PEMBATALAN GADAIAN KAPAL DAN PENGELUARAN SURAT
FREE OF ENCUMBRANCES**

TARIKH KEMASKINI : DISEMBER 2020

8. CARTA ALIR



Jabatan Laut Malaysia akan menyemak maklumat yang dikemukakan, walau bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab pemilik kapal untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di dalam borang permohonan adalah tepat. Sebarang maklumat yang tidak tepat akan menyebabkan kelewatan dalam proses permohonan untuk pendaftaran atau pembatalan gadaian kapal atau pengeluaran surat *Free of Encumbrances*.